

GEREJA KRISTUS LIKAS
Mengenal dan Memperkenalkan Kristus
Bisyop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais
Suffragan Bisyop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin
Rektor: The Ven. (E) Moses Chin Su Hyun

Hubung
P. O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah.

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-661 1558
https://christchurchlikas.org/ | cclikas@gmail.com

Hari Kesemua Orang Kudus – 01 November 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau satukan umat pilihan-Mu menjadi satu Masyarakat dan satu Persekutuan di dalam tubuh Anak-Mu yang Ajaib.
Anugerahkanlah kami supaya dengan mengikuti orang-orang kudus-Mu dalam segala kebaikan dan kehidupan kudus, kami akan mencapai sukacita yang tidak terkatakan yang Engkau telah sediakan untuk orang yang sesungguhnya mengasihi Engkau, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil- Yohanes 7:32-39 | Bacaan Responsif – 2 Korintus 13:11-14



Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:
YouTube: https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **PERSEKUTUAN DOA HARI INI**
   Jadikan doa keutamaan kita:
   - Persekutuan doa BC – 9:45 am, Pavillion.
   - Persekutuan doa BI– 11:45 am, Dewan Alpha.
   - Persekutuan doa BM– 7:30 pm, gereja.

2. **SELAMAT MENYAMBUT HARI SEMUA ORANG KUDUS**
   Kita mengucapkan 'Selamat Ulang Tahun ke-115' kepada Katedral All Saints pada hari ini, 1 November – Hari Semua Or ang Kudus.Katedral ini berfungsi sebagai sebuah gereja paroki dan juga sebagai gereja induk bagi seluruh diosis. Secara tra disinya, katedral ini turut berperanan sebagai pembimbing rohani kepada masyarakat bandar serta menjadi tempat do a syafaat bagi seluruh warga kota.Walaupun konteksnya telah berubah, tanggungjawabnya tetap sama – untuk melayani masyarakat dan berdoa demi kesejahteraan mereka.



3. **PEKERJAAN MISI** – 'mengasihi dan melayani'
   Hari ini ialah Minggu Misi Diosis .
   Kita berdoa, memberi persembahan dan menggerakkan seluruh jemaat untuk menyokong pekerjaan misi di luar lingkungan gereja kita sendiri.Sila baca pesanan daripada Bishop John Yeo, Pengerusi Lembaga Misi Diosis.



   Beberapa pasukan misi dari gereja kita:
   - Pasukan Misi 1 – **kem perubatan** di Kg. Tampios, Ranau. Dr. George dan pasukan bertolak jumaat lepas, meluangkan sepanjang hari kelmarin melayani orang kampung, dan hari ini beribadah di Gereja St Paul Ranau sebelum kembali ke KK petang ini.
   - Pasukan Misi 2 – **kem kebangunan rohani** di Nunukan & Seimenggaris, Kalimantan. Rev. Samuel Sampe akan memimpin seramai 8 orang ke sana, bertolak jumaat ini, mereka akan mengadakan seminar dan Kebaktian Kebangunan Rohani. Dijangkakan untuk kembali ke KK pada isnin , 9 November.
   - Perjalanan Misi 3, 7-10 Dis – **kem kanak-kanak** di Sook. Pastor Margaret akan memimpin pasukan untuk mengadakan khemah kanak-kanak dan merayakan Natal.

   Bagi kita yang tidak pergi, kitalah yang "mengutus";kita mengutus mereka, dan menyokong mereka untuk melakukan pekerjaan misi. Semua berdoa, semua mengutus, semua memberi dan beberapa pergi.

4. **ACARA DIOSIS MINGGU INI**
   - Sel, 3 Nov – Bishop Kenneth akan memimpin paderi dan pastor **(ADOS-B)** penguasa dan pelayanan, untuk satu hari berdoa dan merancang.
   - Rabu, 4 Nov – Bishop Melter akan melakukan hal yang sama untuk **Paderi dan Pastor Penguasa Diosis.**
   - Kha, 5 Nov – **Makan Malam Kesyukuran ATI**, di Dewan Hakka. Tiket berharga RM150 satu. Boleh beli di Meja Informasi.
   - Jum, 6 Nov – **Graduasi ATI**, di Katedral All Saint. Semua dijemput.
   - Sab, 7 Nov – Perayaan Ulang Tahun ke-10 **Sekolah Visi Sandakan.** Rektor kita akan menghadiri.



5. **PERSIAPAN NATAL**
   - 500-suara koir – datang dan menjadi sebahagian daripada hari bersejarah ini. Latihan setiap Sab, 5:15 ptg-6:15 ptg.
   - Bantuan diperlukan untuk pelbagai pekerjaan; dekorasi, pemasangan lampu, membungkus hadiah dll. Sila berhubung dengan pejabat gereja.

6. **LARIAN RIA NATAL**



7 Nov, Sabtu ini, 6:00 pg – sertai mereka dari pelbagai gereja seperti Telipok, Manggatal, Inanam dan Likas untuk larian sejauh 5 km di UMS. Berjumpa kawan baru dan boleh cuba menangi hadiah. Maklumat lanjut ada di papan kenyataan.

7. **DANA VAN GEREJA**
   Setakat ini jumlah terkumpul adalah RM90,100.47. Kita memerlukan sebanyak RM185,000. Menyumbanglah dengan murah hati.

8. **PELAYANAN LAIN**
   - 7 Nov, 9:30 pg - **Evergreens**, Dewan Omega.
   - 16 Nov, 8:00 mlm – **Persekutuan Doa ADOS-B** Nantikan maklumat lanjut.
   - **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Pn Albertin Kalak dan keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas
Boost: https://myboost.app.link/FPvG94VIT4

'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Nov 2	2 Kor 1-2	Mz 132	Jum, Nov 6	2 Kor 8-9	Mz 136
	Sel, Nov 3	2 Kor 3-4	Mz 133	Sab, Nov 7	2 Kor 10-11	Mz 137
	Rab, Nov 4	2 Kor 5-6	Mz 134	Ahd, Nov 8	2 Kor 12-13	Mz 138
	Kha, Nov 5	2 Kor 7	Mz 135			

"Persekutuan Roh Kudus" - Untuk Renungan dan Perbincangan:

a. Ceritakan tentang minuman berkarbonat (minuman bergas seperti Cola atau Sprite) yang pernah anda rasai. Mengapakah anda menyukainya? Atau, mengapakah anda tidak menyukainya?
b. Baca Yohanes 7:37-39. Bagaimanakah Yesus menggambarkan pekerjaan Roh Kudus dalam kehidupan setiap orang yang percaya kepada-Nya?
c. 2 Korintus 13:11-13 menggambarkan sebuah komuniti yang dipenuhi dengan kasih karunia, kasih dan persekutuan daripada Allah. Nyatakan sekurang-kurangnya lima ciri yang menggambarkan ciri tersebut. Antara ciri-ciri tersebut, yang manakah paling jelas kelihatan dalam kelompok sel anda? Ciri manakah yang paling kurang ditunjukkan dan anda berharap agar ciri tersebut dapat dipertingkatkan?Bagaimanakah anda boleh bersama-sama membina dan mengamalkan ciri-ciri tersebut dalam kelompok sel anda?
d. Baca 2 Korintus 13:14 - Mengapakah Yesus Kristus, Allah Bapa dan Roh Kudus disebut bersama dalam rumusan iman Kristian pada zaman gereja awal ini? Apakah yang dinyatakan oleh ayat ini tentang Yesus Kristus dan Roh Kudus? Dan tentang Allah yang disembah oleh orang Kristian?
e. Bagaimanakah kita dapat terus bertumbuh dalam kasih karunia Tuhan Yesus Kristuas, kasih Allah dan Persekutuan Roh Kudus dari hari ke hari? Apakah satu sikap yang perlu anda ubah dan satu tindakan yang perlu anda lakukan sepanjang baki beberapa minggu ini? Berhenti sejenak, berdoa dan bertindak.

UNTUK DIDOAKAN

Katedral yang Kita Kasihi

- Bersyukur kepada Tuhan atas Katedral All Saints serta semua yang telah dan sedang melayani di sana. Berdoa agar katedral ini terus menjadi berkat kepada diosis dan masyarakat bandar.

Negeri yang kita kasihi

- Berdoa agar Tuhan membangkitkan lebih ramai pemimpin yang takut akan Tuhan untuk memimpin negeri Sabah dengan hikmat dan integriti, serta memperlengkapi generasi muda untuk turut membangunkan negeri.

Diri sendiri

- Berdoalah agar hidup kita sentiasa dipenuhi dan dipimpin oleh Roh Kudus.
- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

Minggu Misi Diosis
MISI BOLEH DICAPAI

Dan dalam pemberitaan itu aku menganggap sebagai kehormatanku, bahwa aku tidak melakukannya di tempat-tempat, di mana nama Kristus telah dikenal orang, supaya aku jangan membangun di atas dasar, yang telah diletakkan orang lain. (Roma 15:20)

Dalam Ucapan Pembukaannya pada Sinod Diosis 2026, Bishop Datuk Melter Jiki Tais mendorong seluruh Diosis untuk melangkah *Melangkaui Ufuk (Beyond the Horizon)* melalui enam strategi yang boleh dilaksanakan, termasuk pelayanan *penjangkauan* dan *penanaman gereja, baik di dalam mahupun di luar Sabah*.

Misi bukanlah Mustahil dan hal ini dibuktikan melalui kehidupan serta pelayanan Rasul Paulus. Terdapat tiga prinsip utama yang dapat kita pelajari daripada kehidupannya untuk menjadikan misi itu suatu kenyataan.

Prinsip pertama ialah **fokus yang tidak berbelah bahagi** (rujuk Roma 15:20). Melaksanakan Amanat Agung memerlukan kejelasan tujuan yang tidak mudah goyah — dengan tidak membiarkan perkara-perkara sampingan mengalihkan perhatian kita daripada panggilan utama. Apabila kita memusatkan visi pada tempat dan golongan masyarakat yang belum dijangkau, sama ada di kawasan pesisir pantai, daerah pedalaman atau di luar sempadan negara kita, tempat-tempat ini menjadi ladang misi kita.

Prinsip kedua ialah **Tindakan** — ia merupakan langkah penting untuk mencapai destinasi (matlamat). Prinsip ini ditunjukkan melalui kesediaan kita, kesiapsiagaan dan komitmen untuk mengerahkan sumber yang kita miliki, termasuk masa, bakat, tenaga dan kewangan, bagi merealisasikan visi tersebut. Rasul Paulus membuktikan prinsip ini melalui matlamat hidupnya dalam Kisah Para Rasul 20:24 - *Tetapi aku tidak menghiraukan nyawaku sedikit pun, asal saja aku dapat mencapai garis akhir dan menyelesaikan pelayanan yang ditugaskan oleh Tuhan Yesus kepadaku untuk memberi kesaksian tentang Injil kasih karunia Allah*.

Prinsip ketiga ialah **Kesatuan (Kebersamaan).** Pekerjaan Injil bukanlah misi yang dilakukan secara bersendirian atau tanggungjawab satu jabatan atau pelayanan sahaja dalam gereja. Melalui teladan Paulus, kita melihat bahawa beliau diutus oleh gereja (Kisah Para Rasul 13), ...

Minggu Misi Diosis
MISI BOLEH DICAPAI

... merekrut rakan-rakan misionari dan pekerja pelayanan (Kisah Para Rasul 16, 18), serta menggerakkan gereja-gereja untuk memberikan sokongan sebagai rakan sekerja dalam pemberitaan Injil (rujuk Filipi, Roma dan Efesus). Seluruh gereja terlibat dalam misi — mereka yang mengutus, menyokong, memberi dan yang diutus.

Panggilan untuk misi, *"Tuaian memang banyak, tetapi pekerja sedikit"*, masih bergema dalam setiap gereja dan hati kita. Marilah kita membuktikan bahawa Misi Bukanlah Mustahil melalui:

- Doa - Berdoalah untuk misi gereja anda dan para misionari diosis yang sedang melayani di ladang misi.
- Memberi - Sokonglah Dana Misi Diosis Sabah [No Akaun Bank RHB: 2101-03-0000-9829]
- Pergi – Anjurkan lawatan misi jangka pendek, contohnya ke Indonesia, Thailand dan negara-negara lain. [Untuk maklumat lanjut, sila hubungi paderi/pastor anda.]

Bisyop John Yeo
Pengerusi Lembaga Misi Diosis